



Nestle Good food, Good life

## Siaran akhbar

Petaling Jaya, 20 Disember 2023

### **Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI Terus Cungkil Bakat Memasak Dalam Kalangan Remaja Bercita-cita Tinggi**

**PETALING JAYA, 20 Disember 2023** – Pertandingan Memasak Sekolah Menengah MAGGI Edisi Ke-27 (MSSCC) kembali tahun ini dengan cef-cef muda yang berusia antara 13 hingga 15 tahun menunjukkan bakat dan kebolehan untuk dinobatkan sebagai juara. MSSCC adalah hasil kerjasama MAGGI dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), yang melibatkan penyertaan lebih 10,000 sekolah dan 341,000 pelajar dari seluruh negara sejak pelancarannya pada 1997, dengan matlamat memupuk minat dalam menyediakan hidangan lazat dan berkhasiat di rumah dan membawa kesan positif menerusi pembangunan bakat kulinari.

Berbeza daripada pertandingan memasak konvensional, MSSCC tahunan bukan sahaja menjadi platform untuk pelajar-pelajar menyerlahkan minat dan bakat memasak, tetapi juga mengandungi unsur pendidikan penting yang sejajar nilai dan prinsip teras MAGGI. Selain meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya diet yang seimbang, pertandingan ini juga memperkasakan pelajar-pelajar dengan kemahiran hidup yang berharga, membuka laluan bagi menceburi dunia kulinari dan juga bidang yang berkaitan pada masa depan.

Tema 2023, "Sajian Seimbang, Inspirasi Warisan" menggalakkan penggunaan produk MAGGI secara kreatif dalam hidangan lazat dan berkhasiat yang

melambangkan kekayaan dan kepelbagaian budaya kita. Setiap tahun, cabaran ini memberi penekanan kepada nilai membuat pilihan pemakanan harian yang sihat. Selain daripada mengasah kemahiran kulinari, MSSCC juga menggalakkan para pelajar untuk berfikir di luar kotak dan mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah di dapur. Pengalaman ini memberikan pengajaran tentang kepentingan disiplin, pengurusan masa dan keupayaan menyesuaikan diri mengikut situasi. Sambil para peserta bersaing dalam suasana mesra, mereka juga memupuk semangat kesukanan, daya tahan dan kesungguhan untuk melakukan penambahbaikan berterusan.

Barisan pengadil yang dihormati daripada Nestlé (Malaysia) Berhad terdiri daripada Chef Sharifah Hamidah binti Syed Mohsin (Chef Residen MAGGI®), Chef Muhammad Hakimi bin Badrul Hisham (Eksekutif Tuggak Perkhidmatan) dan Cik Leong Ven Luan (Pengurus Pemakanan Kategori) telah meneliti dan menilai masakan yang disediakan, seterusnya memilih tiga penyertaan terbaik dari setiap negeri. Sejumlah 32 peserta telah dipilih untuk bersaing di pusingan akhir. Veerada A/P Wilat dan Duangkamon A/P Somfong daripada Sekolah Menengah Syed Sirajuddin, Perlis telah berjaya memenangi tempat pertama. Mereka bukan sahaja mendapat pengiktirafan sebagai juara tetapi juga membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 dengan hidangan terbaiknya, iaitu "Lempeng Kubis dan Kari Tauhu".

YBrs. Encik Zainuren bin Mohd Nor, Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan berkata, "Sejajar dengan komitmen kami untuk menggalakkan pembangunan menyeluruh anak-anak muda Malaysia, kerjasama strategik antara KPM dan MAGGI telah mencapai hasil yang bermakna menerusi MSSCC. Platform ini bukan sahaja menyemai minat memasak dalam kalangan pelajar yang mengambil bahagian, tetapi juga menjadi pemangkin untuk melaksanakan usaha sepertinya di seluruh Malaysia pada masa depan. Kami

berharap MSSCC akan terus terus membolehkan belia Malaysia menimba pengalaman yang terangkum dan menarik."

Selain daripada KPM, Unit Teknikal dan Vokasional Negeri, dan juga Jabatan Pendidikan Negeri telah menyokong pertandingan dalam pelbagai cara. Pada tahun ini, pertandingan bermula pada September 2023, menjemput peserta menghantar resipi dan video masing-masing sejajar dengan tema 2023 menerusi platform dalam talian yang disediakan di laman web rasmi MAGGI.

Cik Ivy Tan, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "MSSCC sememangnya memberi peluang kepada kami untuk mengukuhkan komitmen menyemai minat memasak sajian yang berkhasiat dan seimbang di rumah, sambil meraikan bakat-bakat muda dan warisan berbilang budaya negara. Pada tahun ini, kami telah melihat perkembangan luar biasa peserta, yang menunjukkan tahap kreativiti dan inovasi yang hebat untuk menyediakan sajian yang lazat dan seimbang. Tahniah kepada para pemenang dan semua peserta. Persaingannya memang sengit tetapi cabaran ini ternyata memberi inspirasi kepada semua!"

Seramai 32 peserta pusingan akhir dari seluruh negara telah dipilih menerusi proses temu duga dalam talian, di mana para pengadil telah mendapatkan maklumat lanjut tentang personaliti, ilmu kulinari dan inspirasi di sebalik setiap sajian yang disediakan. Kemuncak acara ialah Pusingan Akhir yang berlangsung di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, Sepang.

Menurut Aisyah Insyirah binti Aswadi dan Aisyah Husna binti Aswadi, dua peserta pusingan akhir daripada Sekolah Menengah Setapak Indah, Kuala Lumpur: "Pertandingan ini memberikan pengalaman luar biasa kepada kami semua, yang telah membolehkan kami mencabar dan meningkatkan kemahiran kulinari kami,

sambil meningkatkan kesedaran tentang cara sajian seimbang memainkan peranan besar dalam kehidupan harian kita. Sudah tentu kami akan membuat pilihan lebih bijak apabila menyediakan makanan di rumah.”

Untuk maklumat lanjut mengenai MSSCC 2023, sila layari <https://www.maggi.my/ms/memupuk-generasi-muda/pertandingan-memasak-MAGGI-2023/>

###

#### **Mengenai MAGGI®**

MAGGI® ialah jenama makanan No.1 di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta detik-detik indah menyediakan sajian kebahagiaan yang mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Menerusi pelbagai rangkaian produk dan penyelesaian makanannya, MAGGI® membantu rakyat Malaysia menyediakan sajian makanan masakan rumah yang lazat dan seimbang untuk diri sendiri atau keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah, menyediakan penyelesaian inovatif daripada mi kepada produk kulinari, yang akan terus menceriakan dan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia memasak makanan segar yang digemari dan diyakini mereka. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.maggi.my](http://www.maggi.my) atau ikuti halaman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

**Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

Tel: (+603) 7958 8348  
+6019 688 7204 (Shahida) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)